

ISU- isu dalam sanad mendapat perhatian pakar al-Quran di sebelah negara Arab kerana terdapat mereka yang memalsukan sanad.

- Gambar hiasan



# Amanah pemegang sanad Quran

Pemegang sanad adalah pemilik anugerah tertinggi yang tali-bertali sampai kepada Rasulullah SAW



BicaraQiraat

Oleh DR. KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

**D**I Malaysia penyebaran sanad al-Quran dalam kalangan masyarakat masih di peringkat awal. Perbincangan tentang sanad bermula apabila timbul kelas pengajian al-Quran yang menawarkan talaqqi al-Quran bersanad.

Maka mulalah timbul persoalan sanad, yang berkisar tentang bagaimana hendak mendapatkan sanad al-Quran dan apakah pentingnya sanad al-Quran ini?

Selain itu, masyarakat awam juga mulalah bertanya kepada guru-guru yang mengajar al-Quran apakah maksudnya sanad al-Quran dan lebih parah apabila mereka meminta sanad daripada guru yang tidak mempunyai sanad. Lanjutan dari itu timbul suasana memperkecil dan memandang rendah kepada guru yang tidak mempunyai sanad.

Bagi pihak guru pula yang bacaannya baik dan menepati segala hukum tajwid tetapi tidak mempunyai sanad secara bertulis akan menjawab apa gunanya sanad jika bacaan salah dan banyak hukum tajwid belum menguasai dan *makhraj* huruf pun tidak teratur. Lebih-lebih lagi ada yang bertanya kepada mereka yang mempunyai suara yang menarik dan selalu mewakili musabaqah manakah sanadnya?

Soalan sebegini sebenarnya akan merosakkan suasana *mahabah* (kasih sayang) dalam mempelajari al-Quran. Penulis memetik kalam Ustaz Ashraf Ismail daripada gurunya di Mesir iaitu Syeikh Redha berhubung fungsi sanad, ia ibarat mendaki anak tangga untuk naik ke atas.

Beliau menambah, malangnya hari ini ramai yang mendapat sanad al-Quran tanpa memenuhi syarat yang ketat seperti orang terdahulu. Boleh baca al-Quran lebih kurang dengan sekali khatam sahaja sudah mendapat sanad.

## Anugerah tertinggi

Sedangkan pemegang sanad adalah pemegang anugerah tertinggi yang tali-bertali sampai kepada Rasulullah SAW. Justeru, perkara yang perlu dijaga pemegang sanad ialah bertawaduk merendah diri dan selalu bersikap positif dengan memberi sumbangan ke arah perkembangan pengajian Quran.

Setiap guru Quran perlu diberi sokongan untuk terus mendidik masyarakat bacaan al-Quran yang tepat.

Selain itu dalam waktu yang sama, ia juga perlu beramanah dengan sanad yang diterimanya. Jangan sekali menganugerahkan sanad kepada mereka yang belum layak menerimanya. Pastikan bacaan mereka tepat dengan hukum tajwid dan menguasai dengan baik *makhraj* serta sifat huruf.

Perkara ini perlu ditekankan kerana terdapat pihak yang menganugerahkan sanad berdasar kepada sumbangan untuk

projek tertentu.

Perlu ditegaskan bahawa bacaan al-Quran yang sampai ke tempat kita adalah secara bersanad. Guru Quran terdahulu yang mengajar al-Quran kepada masyarakat Islam di sini sudah tentu memiliki sanad. Hasilnya, ramai yang menguasai bacaan al-Quran yang tepat bahkan sebahagian bacaan dalam kalangan kita mengalahkan bacaan orang Arab.

Pernah penulis bertanya kepada Dr. Ashraf Fuad Tal'at pemegang sanad Quran dan banyak menghasilkan penulisan berkaitan Quran, tentang sanad guru yang hilang kemudian dia mengijazahkan kepada muridnya secara mulut dengan berkata, "Saya ijazahkan sanad yang saya terima daripada guru saya sehingga kepada Rasulullah SAW kepada kamu semua."

Beliau memberi jawapan bahawa harus menasabkan sanad guru tersebut jika susur galur sanad sampai kepada Rasulullah SAW dapat dikesan.

Isu-isu dalam sanad mendapat perhatian pakar al-Quran di sebelah negara Arab kerana terdapat mereka yang memalsukan sanad. Bagi mengatasi masalah ini satu organisasi yang merakam dan merekod semua sanad Quran di semua negara Arab dilaksanakan secara elektronik. Setiap sanad yang dikeluarkan guru kepada muridnya boleh disahkan melalui badan ini sama ada ia betul atau sebaliknya.

● PENULIS ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).